

2 sindiket proses, edar dadah RM5.16j tumpas

17 individu ditahan dalam 15 serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis menumpaskan dua sindiket pemprosesan dan pengedaran dadah selepas merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM5.16 juta, menerusi 15 serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang, Rabu dan Selasa lalu.

Serbuan itu dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dengan kerjasama JSJN Kuala Lumpur dan Selangor.

Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) JSJN Bukit Aman, Deputy Komisioner Zainudin Ahmad, berkata dadah disita termasuk ketamin seberat 46.9 kilogram (kg), syabu (1.55kg), pil Erimin 5 (37.7gram), pil ekstasi (11.4kg) dan serbuk dadah methylenedioxymethamphetamine (MDMA) (32.7kg).

Pada masa sama, katanya, seramai 17 individu termasuk dua wanita warga Vietnam berusia antara 28 hingga 59 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

“Kita turut berjaya menahan ketua sindiket terbabit. Menerusi operasi sama, kita bongkar aktiviti sebuah makmal dadah di sebuah rumah.



Zainudin (tengah) menunjukkan barang rampasan pada sidang media melumpuhkan sindiket pemprosesan dan pengedaran dadah di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semalam. (Foto BERNAMA)

“Mereka menjalankan aktiviti pengedaran dadah menerusi aplikasi media sosial seperti WeChat dan WhatsApp selain membuat penghantaran secara kecil-kecilan.

“Selain itu, kita sita pelbagai barangan termasuk 17 kenderaan termasuk Honda Accord dan Toyota Camry, pelbagai barangan kemas dan tujuh jam jenama mewah selain wang tunai berjumlah RM457,255 serta sejumlah wang tunai mata wang asing.

“Jumlah keseluruhan sitaan harta lebih RM1.5 juta,” katanya pada sidang media di Bukit Aman, di sini, semalam.

Zainudin berkata, hasil siasa-

“Mereka menjalankan aktiviti pengedaran dadah menerusi aplikasi media sosial seperti WeChat dan WhatsApp, selain penghantaran secara kecil-kecilan.”

Zainudin Ahmad,
Timbalan Pengarah
(Risikan/Operasi) JSJN
Bukit Aman

tan mendapati sindiket itu aktif sejak tiga bulan lalu.

“Dadah dirampas boleh dibekalkan kepada 458,490 pengguna dan ia dikatakan untuk kegunaan dalam parti liar.

“Hasil ujian saringan air kencing pula mendapati lima suspek positif dadah selain tujuh mempunyai rekod jenayah serta dadah.

“Kita masih giat memburu saki-bali ahli sindiket ini untuk dibawa ke muka pengadilan,” katanya.

Semua suspek direman tujuh hari hingga 17 September ini mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.